

## SASTERA PENGGERAK BAHASA

# Gema Puisi Bersama Pemimpin

Oleh Rusdi Abd. Rahman

**G**EMA Puisi Bersama Pemimpin merupakan acara baca puisi anjuran DBP Wilayah Selatan sempena BBSN 2005 dengan kerjasama Pusat Khidmat Wakil Rakyat Parlimen Sembrong yang telah diadakan pada 24 September 2005 yang lalu di Kampung Contoh, Kahang, Kluang, Johor. Majlis tersebut dihadiri oleh Menteri Pelajaran Malaysia, Y.B. Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein yang merupakan Ahli Parlimen Sembrong dan dua ADUN dalam kawasan Parlimen Sembrong serta Ketua Pengarah DBP, Dato' Dr. Firdaus Haji Abdullah dan ketua pemimpin masyarakat setempat.

Dato' Dr. Firdaus Hj. Abdullah dalam ucapannya berkata, "program baca puisi sebegini yang melibatkan pemimpin dengan masyarakat setempat wajar diteruskan dan dicontohi di tempat lain".

Matlamat acara ini adalah untuk mendekatkan pemimpin dan rakyat melalui acara apresiasi karya sastera yang menggabungkan acara

deklamasi puisi moden dan tradisi serta lagu puisi dalam satu majlis pemimpin bersama rakyat.

Sebelum acara berlangsung, satu sesi Ceramah Sastera Tradisi Lisan telah disampaikan oleh penggiat sastera tradisi Johor dan Melaka, iaitu Hj. Ali Badron Sabor dan Hj. Ali Bachik kepada para pelajar sekolah sekitar daerah Kluang. Para pelajar didedahkan tentang teknik mendengarkan dan menyampaikan puisi tradisi lisan dengan kaedah yang betul dan tepat.

Acara kemuncak yang ditunggu-tunggu ialah deklamasi puisi oleh pemimpin seperti ADUN Kahang, Y.B. Ramis Subramaniam yang mendeklamasikan puisi karya Nazim Subari bertajuk *Tanah Pusaka Ini* dan ADUN Paloh, Y.B. Chong Ah Onn mendeklamasikan puisi *Kerana Kami Cinta Padamu, Malaysia* karya Gunawan Mahmood. Tetamu kehormat Y.B. Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein pula tidak ketinggalan mendeklamasikan puisi *Melayu Johor* karya Usman Awang yang mendapat tepukan gemuruh oleh para hadirin.



**SEMANGAT:** Y.B. Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein mendeklamasikan puisi Usman Awang.

## WAWANCARA KARYAWAN

# Naffi Mat: Penyair Islam

**N**AAPIE Mat, atau nama sebenarnya Naffi bin Mat, dilahirkan di Pasir Puteh, Kelantan pada 23 Disember 1957. Pensyarah Pendidikan Kesusasteraan di Fakulti Pengajian Pendidikan di Universiti Putra Malaysia ini telah menghasilkan beberapa buah buku seperti *Dongeng Purba, Lorong Atar, Pemikiran Penyair Melayu* dan *Glosari Pengajian Melayu*. Ikutilah wawancara editor *Klik DBP*, Azmi Ibrahim dengan beliau.

**Mengapakah saudara menghasilkan puisi?**

Puisi merupakan manifestasi batin. Melalui puisi saya dapat mengetengahkan masalah kehidupan masyarakat setempat dan global yang dapat dikongsi bersama-sama. Malah saya berkeyakinan puisi mampu menjadi saluran dakwah seperti kitab al-Quran yang menyerupai bahasa puisi yang me-

ngajak manusia ke arah kebaikan.

**Sejauh manakah puisi dapat meningkatkan kecintaan masyarakat terhadap negara?**

Jika kita melihat sejarah sebelum merdeka, puisi menjadi satu wahana untuk menyedarkan masyarakat supaya bebas daripada belenggu penjajahan Jepun dan Inggeris. Selepas 48 tahun merdeka, puisi masih relevan untuk membangkitkan semangat dan rasa cinta akan negara. Namun, usaha tersebut perlu ditanamkan di peringkat tadika lagi dan digiatkan di sekolah-sekolah.

**Siapakah penyair luar negara yang saudara minati dan mengagap?**

Saya meminati penyair dari Indonesia, Sapardi Djoko Damono dan penyair dari Jepun, Ishikawa Jozan kerana bahasa yang digunakan da-

lam karya mereka penuh dengan falsafah dan menitikberatkan masalah hidup masyarakat bawahan.

**Siapakah yang layak dinobatkan sebagai Sasterawan Negara selepas S. Othman Kelantan dan mengapa?**

Saya mencadangkan Suhaimi Haji Muhammad. Beliau sudah sampai ke peringkat menghambakan diri untuk terus berkarya. Setiap tahun beliau menghasilkan sebuah kumpulan puisi yang cukup matang. Puisi beliau berbentuk surealisme, mistik dan sudah sampai ke tahap sufi. Malah, peribadinya yang sederhana memberikan kesan yang mendalam dan kualiti puisinya mengatasi puisi yang dihasilkan oleh penyair lain di Malaysia.

**Apakah cara untuk menarik khalayak meminati puisi?**

Puisi perlu diperkenalkan di pe-



Naffi bin Mat

ringkat kanak-kanak lagi. Usaha memperkenalkan komponen sastera di peringkat sekolah rendah ini merupakan satu langkah bijak. Namun, yang penting perlu ada program susulan di sekolah. Di samping itu, institusi perubatan dan ketenteraan juga perlu diberi peluang. Mungkin pihak DBP boleh bekerjasama dengan persatuan penulis untuk sama-sama mengajak mereka menghayati puisi.

## PEDOMAN SASTERA

# Rina'it

**R**INA'IT ialah sastera lisan yang berkembang dalam masyarakat Dusun di Sabah. Perkataan Rina'it bermaksud "dikir para bobolian" masyarakat Dusun sama ada lelaki atau pun perempuan. Rina'it ialah satu bentuk puisi yang mempunyai makna yang amat dalam serta tinggi mutu bahasanya. Sebahagian besar maksud yang terucap dalam Rina'it ini ialah berkisar atau berasaskan kepada

doa dan dikir yang diamalkan dalam kitaran pertanian, percintaan, perkahwinan, atau juga dalam upacara perbomohan. Seperti sastera lisan yang lain ia juga terdapat dalam bentuk cerita yang panjang dan disampaikan dalam waktu yang melewati masa sehingga tujuh malam. Ini sama seperti cerita yang terdapat dalam wayang kulit, menora, mak yong dan pelbagai bentuk sastera lisan yang lain yang hidup

subur dalam masyarakat di Malaysia pada masa lampau.

Antara contoh Rina'it :

Supik ko pandaian himboh  
Burok ku yang halib  
Himboh ku tandaruh ngasuk  
Supik ku pipompodok  
Burok poinolugok  
Poimpompodok di munong  
Poinalugok di dila

Terjemahan bebas oleh Arena Wati:

Kubersama yang lebih sakti  
Kubuka ruang lalu  
Sakti membuka panas memanjang  
Kubersama ajalan merentas  
Kubuka lorong jalan setapak  
Jalan singkat di bibir atas  
Jalan setapak di lidah.

Oleh Mohd Jusoh Majid

## KUIZ SASTERA SIRI 5

**S**ILA lengkapkan maksud pantun klasik di bawah ini dan namakan jenis pantun berdasarkan tema pantun bagi setiap rangkap pantun tersebut. Pemenang akan menerima cenderamata istimewa daripada *KLIK DBP*.

Dari Rada hendak ke Rokan,  
Sangka mendapat gada-gada;

.....

.....

Dang Lela memangku puan,  
Berembang buah pedada;

.....

.....

### Syarat Penyertaan:

Penyertaan terbuka kepada semua pembaca *Klik DBP*. Tarikh tutup penyertaan **31 Oktober 2005**. Keputusan muktamad. Hantarkan jawapan berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat kepada:

Ketua Editor *Klik DBP*,  
Kuiz Sastera Siri 5,  
Bahagian Pengembangan  
Bahasa Sektor Swasta,  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa, 50460  
Kuala Lumpur.

Faksimile: 03-2142 2029

E- mel: mashi-  
tah@dbp.gov.my

## JAWAPAN KUIZ SASTERA SIRI 4

### Pantun 1:

Pemanis kata selamat datang,  
Awal Bismillah pembuka bicara.

Jenis pantun:

**Pantun Adat**

### Pantun 2:

Hati terkenang mulut menyebut,  
Budi baik rasa nak junjung.

Jenis pantun:

**Pantun Budi**

## PEMENANG

**1. Mahirah Kamaludin**,  
Rumah Guru SMK Kuala  
Balah, 17610, Kuala Balah,  
Jeli, Kelantan.

**2. Mardiany Digong**  
Taman Pasir Puteh Fasa 2,  
Jalan Putatan, Kota Kinabalu,  
Sabah.